

Lagi 7 kampung dinaiki air

BEAUFORT 9 Jan. - Banjir yang semakin pulih di sesetengah kawasan di daerah ini membolehkan sebanyak 291 penduduk yang ditempatkan di Dewan Pak Musa di sini kembali semula ke rumah masing-masing hari ini.

Bagaimanapun, pada masa sama, tujuh buah kampung yang lain diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga berikutan air sungai naik melebihi satu meter hari ini.

Penolong Pegawai Daerah Beaufort, Mohd Shaid Othman berkata, paras air Sungai Padas telah turun ke paras lapan meter pada pukul 3 petang ini iaitu di bawah paras bahaya 8.7 meter.

Menurut beliau, keadaan itu membolehkan 95 keluarga mangsa banjir yang berpindah sejak Jumaat lalu pulang dan membersihkan rumah masing-masing.

"Namun begitu, banjir di daerah ini belum pulih sepenuhnya kerana beberapa sungai di bahagian hilir pula mula melimpah tebing.

"Kampung tersebut ialah Kampung Bangkalalak, Jabang, Suasa, Berambai, Kabajang, Padas Damit dan Rancangan Klias," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau memberitahu, pihaknya masih belum mengarahkan penduduk di kampung berkenaan berpindah berikutan cuaca baik hari ini tetapi mereka diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga.

Dalam pada itu, Mohd. Shaid berkata, bantuan berupa barangan keperluan harian turut diagihkan kepada mereka yang pulang dari pusat pemindahan banjir bagi meringankan beban mereka yang terbabit.